




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **29 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,932 kes**. Tiada kes kematian telah direkodkan pada hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah ialah 126 menjadikan jumlah kumulatif 52,995 orang. Seramai 447 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 177 orang di hospital dan 269 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara satu (1) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 21 orang dan lima (5) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Putatan,Kunak dan Papar bertukar dari zon jingga ke zon kuning manakala daerah Sandakan berubah dari zon merah ke jingga

- 4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu direkodkan.
- 5 Daripada 29 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 14 kes (48.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, lima (5) kes (17.3%) saringan bergejala, sembilan (9) kes (31%) saringan kluster sedia ada serta satu (1) kes (3.4%) dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil 4,901 unit
 - Hospital 644 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,767 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 490 unit.
- Peratus penggunaan katil 9.12%.

B PELANJUTAN PKP DI DAERAH NABAWAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Daerah Nabawan yang dijadualkan tamat pada 16 Mac 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 3,079 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 279 kes telah direkodkan.
- 3 Walaubagaimanapun, KKM mengesahkan masih terdapat baki 872 sampel saringan yang belum mendapat keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan tempoh PKP di Daerah Nabawan selama 14 hari lagi bermula **17 Mac sehingga 30 Mac 2021** selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Setakat ini, seramai **3,006** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **28,445** orang.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sejumlah **286,043** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 4,361 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 11 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 77 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak tujuh (7) kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19 :
- Papar : satu (1) orang
 - Kinarut : satu (1) orang – gagal menyediakan peralatan / merekod butiran diri pelanggan.
 - Kota Kinabalu : tiga (3) orang
 - Luyang : tiga (3) orang - Tidak memakai pelitup muka.
 - Sandakan : tiga (3) orang
 - Satu (1) orang - Gagal Menyediakan Peralatan / Merekod Butiran Diri Pelanggan.
 - Dua (2) orang - Tidak memakai pelitup muka.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 108 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 59 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 311 lokasi melibatkan seramai 165 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 125 anggota RELA di 116 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Semporna.
- 7 Sejumlah 66 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 13 daerah pada hari ini.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96%**.
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	96.5%
2	Kunak	96.5%
3	Kota Kinabalu	96.5%
4	Kinabatangan	96.5%
5	Semporna	96.5%
6	Beaufort	96.5%
7	Ranau	96.5%
8	Beluran	96%
9	Tenom	96%
10	Kota Marudu	96%
11	Tuaran	96%
12	Papar	96%
13	Penampang	96%
14	Lahad Datu	96%
15	Kudat	96%
16	Kota Belud	95.5%
17	Sandakan	95%
18	Tawau	95%
19	Keningau	94%

- 2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

15 Mac 2021